

17 MAY 1996

Moggie - Kemudahan

KEMUDAHAN SAMA RATA KEPADA SEMUA PENGGUNA TELEFON MENJELANG 1999

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Menjelang Jan, 1999, pengguna telefon boleh memilih tarif paling murah yang ditawarkan oleh pengusaha rangkaian untuk membuat panggilan jauh, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie hari ini.

Beliau berkata melalui kemudahan sama rata, pelanggan cuma perlu memilih kadar paling murah dengan mendial kod tertentu.

"Prinsip kemudahan sama rata ialah pengguna boleh membuat pilihan sendiri untuk membuat panggilan. Beliau memilih operator dan panggilan jauh yang hendak dibuat," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Hari Telekom Sedunia di sini.

Moggie berkata kemudahan itu juga boleh dinikmati oleh pengguna telefon bergerak.

Beliau berkata kemudahan sama rata ialah sebahagian daripada Rangka Kerja untuk Sambungtara (GFIA) yang dilancarkan hari ini.

Moggie berkata kerajaan akan menetapkan had maksimum dan pengusaha akan bersaing antara satu sama lain bagi menawarkan kadar paling murah kepada pengguna berdasarkan had maksimum itu.

GFIA, yang dimajukan dengan kerjasama semua pengusaha rangkaian menyediakan garis panduan bagi tatacara penyambungan antara satu rangkaian yang lain.

Ia mengandungi peruntukan untuk memastikan ketelusan dalam hubungan sambungtara antara pengusaha rangkaian dan membolehkan pengusaha rangkaian berunding antara satu sama lain dan menetapkan jangkamasa tiga hingga 6 bulan serta tatacara untuk sambungtara antara satu rangkaian dengan rangkaian yang lain.

Pada pelancaran itu, Moggie juga mengumumkan penubuhan Majlis Telekomunikasi Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Moggie berkata majlis itu akan mencadangkan peraturan dan perakuan bagi industri telekomunikasi.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri berkenaan Datuk Chan Kong Choy dan Ketua Pengarah Jabatan Telekom Hod Parman. -- BERNAMA

RAZ FAZ